

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 20 JULAI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 19

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1132-L906
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-
 - (a) apakah tindakan yang telah dilakukan bagi mengatasi pemilikan dan monopoli kedai dan ruang-ruang niaga di sekitar Kuala Lumpur oleh warganegara asing yang semakin berleluasa terutamanya di sekitar Chow Kit yang lebih popular dengan panggilan Mini Jakarta dan Jalan Tunku Abdul Rahman sebagai 'Mumbai Malaysia'; dan
 - (b) sejauhmana langkah penguatkuasaan dan tindakan tegas Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur terhadap pertambahan premis perniagaan di tepi siar kaki seperti kafe dan ala-bistro di ibu kota yang didapati mempamer dan menjual minuman keras secara terbuka.
2. PN-1132-L873
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Kerajaan mengambil masa yang begitu lama untuk membuat keputusan penubuhan IPCMC ataupun adakah Kerajaan mempunyai cadangan yang lebih baik bagi membentuk polis yang bertaraf dunia.
3. PN-1132-L980
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengambilan kakitangan untuk menjawat pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam pada tahun 2004 dan 2005. Dari jumlah ini berapa ramaikah kakitangan keturunan India mula berkhidmat dalam perkhidmatan awam dalam tempoh tersebut.

4. PN-1132-L1087
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kementerian tidak bercadang untuk mengkaji semula kegunaan serta pembelian pesawat jenis Hawk yang digunakan untuk latihan agar tidak berlaku lagi lebih banyak kemalangan yang melibatkan pesawat tersebut.
5. PN-1132-L1107
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan mengiktiraf guru-guru yang mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (Ph.d) dan Ijazah Sarjana (Master) kepada guru-guru yang sedang mengajar di sekolah-sekolah di seluruh negara sekarang agar pendapatan yang mereka perolehi setimpal dengan kelulusan yang dimiliki mereka.
6. PN-1132-L1257
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemantau Alam Sekitar di peringkat DUN atau daerah, sekiranya ada apakah status atau perkembangan yang dicapai setakat ini.
7. PN-1132-L920
Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa ramai pemaju yang telah diambil tindakan mahkamah kerana melanggar Akta Pemaju Perumahan.
8. PN-1132-L1226
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian memainkan peranan di dalam menentukan pembayaran kepada kontraktor-kontraktor oleh Kementerian serta Pihak Berkuasa Tempatan mengikut arahan atau dasar yang ditentukan atau pun yang telah ditetapkan. Contohnya membuat pembayaran 2 minggu selepas kerja telah pun disiapkan serta mendapat kelulusan.
9. PN-1132-L1050
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang melanjutkan tempoh perjanjian konsesi Syarikat Pharmaniaga Sdn. Bhd. apabila ianya tamat pada tahun 2009 atau status konsesi ditender secara terbuka dan telus kepada pihak-pihak yang berminat memohon menjadi syarikat konsesi utama untuk hospital-hospital Kerajaan.
10. PN-1132-L1296
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang menubuhkan satu jawatankuasa bertindak bersama Kementerian Pengajian Tinggi bagi menyelesaikan permasalahan siswazah yang berkelulusan pendidikan dan masih belum mendapat tempat untuk mengajar.

11. PN-1132-L1091
Datuk Chew Vun Ming minta **PERDANA MENTERI** menyatakan satu daripada teras RMK-9 ialah sistem 'delivery' yang cekap dan berkesan. Namun, masa yang diambil untuk maksud 'delivery' perkhidmatan ini amat mendukacitakan terutamanya di Sabah. Apakah tindakan selanjutnya yang diambil Kerajaan agar perkhidmatan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat, cekap dan berkesan.
12. PN-1132-L859
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pelbagai usaha telah diambil oleh Kementerian bagi melahirkan tenaga pengajar yang komited, berdisiplin dan memenuhi cabaran semasa seperti mengenakan syarat-syarat tambahan, namun begitu adakah Kementerian mempunyai satu perancangan jangka panjang menerusi syarat-syarat pengambilan yang mantap bagi mencapai matlamat tersebut.
13. PN-1132-L1067
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan kemudahan pinjaman mikrokredit untuk peniaga-peniaga kecil sekali lagi untuk meningkatkan status ekonomi rakyat.
14. PN-1132-L1232
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme yang akan diguna pakai untuk memastikan pelaksanaan projek-projek kecil di bawah RMK-9 akan terlaksana dengan berkesan dan akan mengikut jadual, memandangkan ia adalah punca utama mengapa peruntukan tidak dapat disalurkan kepada kontraktor-kontraktor kecil sewaktu pelaksanaan RMK-8 yang lepas.
15. PN-1132-L889
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keadaan pertambahan pesakit-pesakit baru HIV/AIDS pada masa ini. Adakah projek-projek Kerajaan untuk mencegah pertambahan kes-kes baru mendatangkan hasil.
16. PN-1132-L1275
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kementerian telah mengenal pasti untuk ditanam benih-benih padi yang baik yang dapat menjamin peningkatan hasil padi negara dan nyatakan juga jumlah import beras negara pada tahun ini.
17. PN-1132-L1321
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengenakan bayaran deposit yang berbeza-besa mengikut saiz skim Projek Perumahan Pemaju untuk menggantikan dasar RM200,000.00 deposit yang dikenakan sekarang tanpa mengikut saiz projek.

18. PN-1132-L1121
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai peruntukan bantuan kewangan ataupun pengecualian bayaran hospital kepada pesakit-pesakit yang miskin dan juga kepada pelajar sekolah.
19. PN-1132-L1189
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bolehkah MAS dianggap sebagai pengangkutan negara (national carrier) sedangkan syarikat itu sudah menggugurkan beberapa destinasi dalam negeri hingga menyebabkan perkhidmatan dalam negerinya tidak meluas lagi.
20. PN-1132-L983
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah negara mampu menghadapi kesan negatif kelembapan ekonomi global terhadap ekonomi negara. Benarkah Kerajaan sekarang ini tidak 'mesra perniagaan' dan benarkah tanpa projek 'Mega' telah membawa kesan buruk berlipat ganda kepada golongan peniaga dan juga ekonomi negara.
21. PN-1132-L1192
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bank-bank perdagangan asing yang sedia ada akan dibenarkan membuka cawangan-cawangan baru di negara ini menjelang 2007. Adakah Bank Negara Malaysia akan membenarkan bank-bank perdagangan asing lain yang masih lagi tidak mempunyai operasi di sini tetapi mahu memulakan operasi mereka di negara ini untuk menjalankan perniagaan mereka. Jika ya, apakah kriteria yang akan digunakan.
22. PN-1132-L958
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengikut perangkaan pada ketika ini, terdapat anggaran melebihi 250,000 kekosongan jawatan dalam sektor awam dan nyatakan pecahan kategori jawatan di semua peringkat termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan nyatakan strategi perancangan jangka panjang dan pendek bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut agar pelaksanaan RMK-9 tidak menghadapi sebarang masalah kelak.

23. PN-1132-L1178
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah indikator yang digunakan untuk mengenal pasti kejayaan memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK). Sehingga ke hari ini berapakah SK yang mengadakan mata pelajaran J-QAF (Jawi, al-Quran dan Fardu Ain) serta bilangan SK yang menawarkan mata pelajaran Mandarin dan Tamil; dan
 - (b) apakah indikator yang akan digunakan untuk memastikan sistem pendidikan negara ini telah mencapai taraf dunia.
24. PN-1132-L896
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap penerbitan majalah Reader's Digest yang meletakkan nama ibu kota Malaysia, Kuala Lumpur sebagai bandar raya paling biadap di tangga ketiga, di mana ini akan menjejaskan nama baik negara apatah lagi apabila kerap disiarkan di dalam CNN.
25. PN-1132-L1157
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan bagi memastikan garis panduan pembangunan di kawasan tanah tinggi dan pelaksanaan Impak Alam Sekitar (EIA) dipatuhi oleh pemaju-pemaju projek di kawasan lereng bukit di negara ini.
26. PN-1132-L1165
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapa taburan guru-guru antara daerah-daerah di Kedah tidak seimbang. Daerah Kota Star, Kubang Pasu dan Padang Terap mendapat guru berlebihan sedangkan daerah lain mengalami kekurangan guru. Apakah tindakan Kementerian dalam mengatasi masalah ini.
27. PN-1132-L1270
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi membaik pulih serta menjaga bangunan-bangunan yang mempunyai unsur-unsur sejarah (haritage) terutamanya di negeri Melaka memandangkan bangunan-bangunan tersebut dapat menjadi satu tarikan kepada pelancong asing untuk datang melancong ke Malaysia.

28. PN-1132-L1062
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jenis maklumat yang boleh disimpan dalam mikrochip MyKad. Berapa ramai rakyat Malaysia dapat menggunakan kemudahan MyKad dengan sepenuhnya dan bilakah MyKad dapat mengganti passport antarabangsa bagi mereka yang ingin memasuki negara Singapura.
29. PN-1132-L843
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan berapa banyak peruntukan diperlukan setahun untuk menjayakan aktiviti Tulisan Jawi yang dijadikan SISIPAN kepada Utusan Malaysia dan selama mana usaha ini perlu diteruskan.
30. PN-1132-L820
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penyelarasan dan pemantauan Agensi dan Jabatan yang bertindak meluluskan sijil halal dan mekanisme penguatkuasaan bagi menangani tindakan pengusaha-pengusaha makanan dan restoran yang sewenang-wenangnya mencetak dan mempamerkan logo halal mereka sendiri.
31. PN-1132-L871
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar asing di IPTA dan IPTS, serta apakah usaha Kementerian untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk belajar di Malaysia.
32. PN-1132-L991
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah sebenar kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan akibat pembatalan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor. Wajarkah Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) membuat siasatan terperinci mengenai kos pembayaran tersebut dan membuat syor mengenainya.
33. PN-1132-L872
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan hubungan baik Malaysia dengan dunia luar adalah penting dan ia merupakan usaha yang berpanjangan dan berkesinambungan. Namun begitu, sering Malaysia dipersalahkan atau dituduh bersubahat dengan kejadian-kejadian yang berlaku di luar negara. Apakah inisiatif atau usaha Kementerian dalam menangani tuduhan-tuduhan seumpama ini.

34. PN-1132-L1018
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) berapakah bilangan unit rumah kos rendah yang belum dimiliki dan bilangan projek-projek pembinaan yang terbengkalai atau 'sakit' di bawah RMK-8 mengikut negeri-negeri dan jumlah keseluruhannya; dan
 - (b) berapakah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan.
35. PN-1132-L928
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kriteria yang perlu diambil kira untuk menentukan lokasi-lokasi yang perlu dibangunkan seperti Klinik Desa, Pusat Kesihatan Besar dan Kecil dan juga Poliklinik supaya mencukupi bagi tempoh lima tahun yang akan datang.
36. PN-1132-L1041
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kemalangan jalan raya semasa perayaan Gawai Dayak di Sarawak dan sama ada langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kemalangan jalan raya di Sarawak telah berjaya.
37. PN-1132-L1177
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjalankan kaji selidik terhadap bekas-bekas tentera di seluruh negara untuk mengetahui status kehidupan mereka selepas menamatkan perkhidmatan.
38. PN-1132-L965
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tafsiran sebenar terhadap Artikel 127 dalam Perlembagaan Negara. Kenapa tidak diwujudkan segera suruhanjaya khas untuk menyiasat tuduhan rasuah di kalangan hakim demi menjaga integriti sistem kehakiman di Malaysia.
39. PN-1132-L1170
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberi elaun bulanan untuk penerima Anugerah Pingat Keberanian British yang mana setaraf dengan Pingat Gagah Berani yang menerima elaun RM300 sebulan.

40. PN-1132-L961
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sama ada Kota Bharu boleh dimasukkan ke dalam kalendar pelancongan Tahun Melawat Malaysia 2007 sebagai satu tarikan pelancong di mana ibu negeri Kelantan itu berpontesi sebagai pusat makanan serantau Pantai Timur.
41. PN-1132-L1149
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah tokoh-tokoh korporat dan ahli perniagaan tidak terpilih dalam rombongan baru Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, sedangkan mereka ini lebih arif tentang pelaburan Majlis dan Pembangunan Hartanah Majlis. Apakah jenis pelaburan kewangan Majlis, berapa banyak kerugian yang dialami dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Sedarkah Majlis, wang pelaburan ini hasil dari kutipan zakat orang ramai dan merupakan amanah rakyat. Kenapa ianya tidak diurus dengan baik terutamanya oleh Jawatankuasa Penasihat Pelaburan Majlis.
42. PN-1132-L1129
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah mekanisme yang akan digunakan oleh Kementerian bagi membantu golongan siswazah menganggur mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan yang dimiliki.
43. PN-1132-L934
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah masalah sebenar yang dihadapi sehingga kekurangan gula di seluruh negara begitu sukar diatasi. Adakah Kementerian bersetuju dengan komen Awang Selamat di seluruh akhbar tempatan bahawa kelambatan atau kelewatan mengatasi masalah ini mencerminkan ketidakcekapan.
44. PN-1132-L952
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pelaksanaan kawalan ke atas penubuhan sekolah antarabangsa dan perubahan dasar ke atas kemasukan pelajar warga tempatan benar-benar memberi jaminan kepada Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia.
45. PN-1132-L1080
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebabnya setakat 30/4/2006, Bank SME telah meluluskan pinjaman sebanyak RM492 juta (93.5%) kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera padahal kaum-kaum lain mencukupi lebih 70% dari jumlah besar pengusaha-pengusaha SME di seluruh negara.

46. PN-1132-L1286
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam mengintegrasikan ciri-ciri profesionalisme dan kepimpinan di kalangan tenaga pengajar dan staf di IPTA dan IPTS agar mereka ini menjadi sumber inspirasi dan 'role model' kepada siswazah.
47. PN-1132-L1096
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk menambah bilangan Pengawal Keselamatan daripada dua orang bagi tempoh 24 jam kepada empat orang agar pengawasan yang lebih dapat diberikan bagi menjamin keselamatan murid-murid di sesebuah sekolah.
48. PN-1132-L912
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan setakat ini sejauhmanakah pelaksanaan Akta Warisan Negara 2005 dalam usaha Kerajaan memulih dan memelihara produk warisan negara di setiap negeri.
49. PN-1132-L1222
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa ada pelajar-pelajar yang menerima tawaran Program Penghantaran Pelajar Cemerlang (Universiti Luar Negara) sesi 2006/2007 telah dibatalkan tawaran tersebut dan pembatalan hanya dibuat melalui telefon. Ini amat mendukacitakan pelajar dan keluarganya.
50. PN-1132-L1112
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memelihara kawasan paya bakau di sepanjang pantai kita yang semakin terancam memandangkan kawasan ini merupakan sumber pencarian nelayan orang asli.
51. PN-1132-L1280
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan dan mencadangkan langkah-langkah setia kawan bagi mewujudkan rantau Asia Tenggara yang selamat, aman dan makmur.

52. PN-1132-L1248
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian mengenai sekolah-sekolah agama di Sabah yang kurang mendapat perhatian untuk mendapat peruntukan dari segi pembaikan kelas dan kelengkapan sekolah; dan
 - (b) apakah Sekolah-sekolah Agama Islam Sabah (SUIS) di kawasan luar bandar turut disenaraikan mendapat peruntukan dalam RMK-9 seperti sekolah-sekolah Kerajaan.
53. PN-1132-L832
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk meneruskan program bantuan tambahan seperti Skim Baucar Tuisyen, Rancangan Makanan Tambahan, Program Susu Sekolah, Tabung Kumpulan Amanah Pelajar Miskin, Bantuan Makanan Asrama, dan Bantuan Pengangkutan, dan sejauh mana keberkesanan program bantuan ini terhadap para pelajar.
54. PN-1132-L1144
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah Kementerian tidak menjalankan kempen kurang makan gula. Nyatakan kesan jangka pendek dan panjang jika kita mengambil gula secara normal setiap hari dan jika tidak mengambil gula langsung, apakah pula kebaikannya. Kenapa perkara ini tidak dibuat publisiti meluas dalam media dan TV. Tidakkah Kementerian sedar publisiti ini amat baik untuk kawalan bagi penggunaan gula oleh rakyat jelata.
55. PN-1132-L937
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Kerajaan mengutamakan daya saing dan kebolehan perusahaan sesuatu syarikat dalam pemberian kontrak bagi projek-projek RMK-9. Untuk menghasilkan budaya progresif dan berdaya saing, apakah sistem yang diguna pakai untuk menentukan syarikat-syarikat dan orang yang dahulunya menyebabkan projek sakit atau tidak dengan sendirinya mengendalikan projek yang diberi, tidak lagi diberi kontrak baru.
56. PN-1132-L1034
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyakkah syarikat-syarikat GLC's yang ada di negara ini yang mendapat projek secara runding terus dan adakah Kerajaan akan menampung syarikat-syarikat GLC's ini daripada mengalami kerugian.

57. PN-1132-L938
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kriteria dalam penentuan sama ada sekolah itu sekolah Kerajaan atau sekolah bantuan Kerajaan sebab jawapan dahulu menyatakan hak milik tanah bukan jadi kriteria utama dan dalam Akta Pendidikan semua SK dan SJK adalah ditubuhkan oleh menteri sahaja.
58. PN-1132-L1079
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pelajar yang telah memperolehi pinjaman daripada Tabung Perbadanan Kemahiran Kebangsaan mengikut bidang kemahiran serta status pembayaran balik yang diterima.
59. PN-1132-L1216
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam mempromosi negara sebagai hub perbankan Islam seperti yang telah dibuat oleh Kerajaan Singapura.
60. PN-1132-L860
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tentang kemajuan projek naik taraf Jalan Persekutuan dari Ipoh melalui Tronoh, Ayer Tawar ke Lumut dan sama ada projek ini terlewat dalam pelaksanaannya.
61. PN-1132-L1295
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah serta kos yang telah dibelanjakan bagi kampung atau kawasan pedalaman yang telah menerima bekalan elektrik, bekalan air dan projek jalan kampung bagi tahun 2005.
62. PN-1132-L1057
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu rakyat memandangkan kenaikan harga dan perkhidmatan di pasaran telah berlaku akibat daripada kenaikan harga minyak baru-baru ini.
63. PN-1132-L939
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah projek seperti felda atau rancangan pertanian lain dirancang untuk orang asli supaya mereka dapat mencari rezeki yang tetap dan pembangunan masyarakat orang asli dapat dipercepatkan lagi.
64. PN-1132-L1014
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah tindakan yang boleh dikenakan kepada syarikat yang diberi waktu siaran, tetapi diali-babakan program TV kepada orang ketiga.

65. PN-1132-L1316
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mengaktifkan semakan bayaran cukai pendapatan syarikat setakat ini, berapakah syarikat yang telah disemak dan selepas operasi ini dijalankan berapakah syarikat-syarikat telah didenda dan berapa jumlah kutipan yang telah dikutip.
66. PN-1132-L1230
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tindakan yang sepatutnya diambil bagi memantau kredibiliti jet pejuang HAWK yang digunakan semasa sesi latihan oleh TUDM. Sejak kebelakangan ini, jet pejuang ini sering terhempas dan adakah ia berpunca dari kesilapan teknikal jet tersebut ataupun kelalaian juruterbangnya.
67. PN-1132-L1027
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk menyelaraskan nama-nama jalan, taman perumahan dan bangunan seperti yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya baru-baru ini di seluruh negara.
68. PN-1132-L853
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa permohonan E-Diesel nelayan yang telah diluluskan dan jumlah kuota diesel subsidi yang diberikan mengikut pecahan negeri serta kawasan.
69. PN-1132-L1004
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah yang menyebabkan tercetusnya kekecohan di Pusat Tahanan Sementara sehingga menyebabkan 73 pendatang tanpa izin dapat melarikan diri dan berapa jumlah pendatang tanpa izin yang ditahan; dan
 - (b) berapa banyak jumlah yang lari dapat ditangkap semula dan apa status keselamatan Pusat Pertahanan Sementara ini.
70. PN-1132-L1130
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengapakah tempat menunggu bas di Kuala Lumpur kelihatannya tidak menarik dan bermacam ragam. Syarikat manakah yang ditawarkan untuk meneruskan iklan di tempat menunggu bas ini. Berapa tahun pula kontrak ini ditawarkan dan mengapa tempat menunggu bas ini tidak diseragamkan di dalam bandar atau di pinggir bandar.

71. PN-1132-L1197
Tuan Tan Bon You minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan penduduk negara mengikut pecahan kaum bagi tahun 1957-1966, 1967-1976, 1977-1986, 1987-1996 dan 1997-2006.
72. PN-1132-L1042
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memupuk perpaduan di antara kaum khususnya untuk menentukan rakyat berbilang kaum dapat memahami adat resam dan kebudayaan antara satu sama lain.
73. PN-1132-L1256
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah persediaan dan langkah-langkah bagi memastikan sasaran sifar miskin tegar akan dapat dicapai di Sabah memandangkan:-
- (a) Sabah mencatat paras kemiskinan tegar tertinggi di Malaysia iaitu 6.9 peratus dan paras kemiskinan pada kadar 24.2 peratus pada tahun 2004; dan
 - (b) keadaan Sabah yang begitu luas, liputan kemudahan asas utama yang belum mantap dan kadar kemiskinan tegar yang banyak.
74. PN-1132-L1323
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah penglibatan masyarakat Islam dalam liberalisma dan pluralisma di negara ini.
75. PN-1132-L1310
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan untuk menggalakkan pembangunan Industri Pertanian di bawah RMK-9, khususnya 'Aquaculture', apakah tindakan komprehensif dan konstrutif telah dirancang untuk mengaktifkan sektor ini. Berapakah jumlah peruntukan yang telah disediakan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|-----|----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 28/2005) | Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2005 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. | (D.R. 11/2006) | Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006 | “ |
| 3. | (D.R. 12/2006) | Rang Undang-undang Pelindung 2006 | “ |
| 4. | (D.R. 17/2006) | Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 | “ |
| 5. | (D.R. 16/2006) | Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2006 | “ |
| 6. | (D.R. 19/2006) | Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2006 | “ |
| 7. | (D.R. 18/2006) | Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2006 | “ |
| 8. | (D.R. 23/2006) | Rang Undang-undang Kepentingan Antarabangsa Mengenai Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 2006 | “ |
| 9. | (D.R. 15/2004) | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 | “ |
| DAN | | | |
| | (D.R. 16/2004) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 | “ |

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN</u> <u>2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.184	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	20 Julai 2006
ST.185	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	20 Julai 2006
ST.186	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	20 Julai 2006
ST.187	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	20 Julai 2006